

# Kadar OPR dijangka kekal di sebaliknya kenaikan inflasi

**BNM utamakan kestabilan monetari sokong pertumbuhan walaupun tekanan kos meningkat**

**Oleh Alzahrin Alias**  
zahrin@bh.com.my

Ahli ekonomi mengunjurkan kadar faedah utama negara kekal walaupun inflasi menunjukkan peningkatan.

MBSB Research menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada paras 2.75 peratus. Langkah ini selari dengan keutamaan bank pusat untuk memastikan kestabilan monetari sambil menyokong pertumbuhan ekonomi.

“Kami mengekalkan unjuran asas untuk OPR kekal tidak berubah pada 2.75 peratus, memandangkan BNM dijangka mengutamakan kestabilan monetari untuk menyokong pertumbuhan ekonomi,” menurut laporan MBSB Research.

Ia turut menjangka, BNM akan terus berwaspada terhadap sebarang kejutan penawaran yang boleh menjejaskan kestabilan harga.

Pandangan ini turut disokong OCBC yang menjangkakan kadar penanda aras itu dikekalkan sehingga penghujung 2026. Menurut institusi berkenaan, gabungan data ekonomi semasa tidak cukup kuat untuk mendorong perubahan dasar dalam masa terdekat.

Unjuran ini hadir ketika inflasi menunjukkan peningkatan. Pada Mac 2026, kadar inflasi keseluruhan meningkat kepada 1.7 peratus tahun ke tahun berbanding 1.4 peratus pada Februari, sekali gus menjadi paras tertinggi sejak Januari 2025.

Inflasi teras turut meningkat kepada 2.1 peratus daripada 2.0 peratus sebelumnya, namun masih bergerak seiring dengan jangkakan pasaran. Peningkatan ini

sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan kos pengangkutan yang mencatat pertumbuhan 1.6 peratus berbanding penguncupan 0.7 peratus pada bulan sebelumnya.

## Rasionalisasi harga tenaga

OCBC turut memaklumkan bahawa pelaksanaan rasionalisasi harga tenaga menyumbang kepada peningkatan sederhana inflasi utiliti kepada 1.2 peratus daripada 1.1 peratus.

Mengulas tekanan inflasi, MBSB Research menjelaskan ia berpunca daripada faktor penawaran global, bukan permintaan domestik. Kenaikan harga barangan bukan makanan sebanyak 2.0 peratus mencerminkan

kesan awal ketidakpastian harga tenaga akibat krisis geopolitik di Asia Barat.

Pada masa sama, pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan sedikit penyederhanaan. Anggaran awal menunjukkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.3 peratus pada suku pertama 2026, berbanding 6.3 peratus pada suku keempat 2025, lebih rendah daripada jangkakan pasaran.

Situasi lebih perlahan ini dilihat merentasi beberapa sektor utama, termasuk perkhidmatan (5.4 peratus), pembuatan (5.8 peratus) dan pembinaan (7.8 peratus). Namun, perbelanjaan pengguna serta permintaan terhadap pusat data terus menyokong pertumbuhan asas ekonomi.

Ahli Ekonomi Kanan ASEAN OCBC, Lavanya Venkateswaran, berkata gabungan pertumbuhan sederhana dan inflasi meningkat perlu diberi perhatian. Beliau menjelaskan ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, namun masih terdedah kepada risiko luaran.

OCBC mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia pada 4.4 peratus bagi keseluruhan 2026.

Dalam pada itu, pengukuhan nilai ringgit serta penurunan harga komoditi makanan global membantu mengekang tekanan kos. Faktor ini bertindak sebagai penampan penting dalam mengurangkan kesan kenaikan harga luar terhadap pengguna domestik.

